

Soalan No: 74

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 3.8.2017

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) tindakan yang diambil untuk membanteras perbuatan membuli dan keganasan di sekolah; dan
- (b) tindakan yang diambil untuk mendidik guru-guru dan ibu-bapa untuk mengelakkan perbuatan membuli daripada berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah memandangi ringan isu buli dan keganasan yang berlaku di sekolah. Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi pembimbing rakan sebaya melalui kelab pakaian beruniform dan Kelab Penjegahan Jenayah Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, Buku Panduan Pengurusan

Menangani Buli di Sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman atau langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PPD, PIBG, Polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

KPM telah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS), Program Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberikan latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis.

- (b) Selain daripada itu, KPM telah mengeluarkan Surat Siaran KPPM Bilangan 4 Tahun 2012: Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang. Semua sekolah telah diminta mengambil tindakan seperti berikut;
1. Amalan Guru Penyayang perlu dilaksanakan secara berterusan agar menjadi budaya guru di sekolah.
 2. Konsep penyayang oleh guru hendaklah dilaksanakan sepanjang masa sama ada di dalam mahu pun di luar bilik darjah.